

"ORANG-orang yang melanggar perjanjian Allah selepas perjanjian itu diperteguhkan (dikurangkan) dan memulutukan apa yang diperintahkan oleh Allah supaya dihubungkan (silaturahim) dan mereka juga melakukan korotakan di bumi, mereka itulah yang mendapat laknat dan bagi mereka seburuk-buruk tempat kediaman di akhirat (neraka)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Rad, ayat 25.

LAHIRKAN PEMIMPIN BERTAKWA, BERWIBAWA MELALUI SEP



SERAMAI 13 mahasiswa daripada jurusan Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Malaysia, pada Ahad, 20 November, bagi mengikuti Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange Programme - SEP).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 November. - Seramai 13 mahasiswa daripada jurusan Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Malaysia, pada

Ahad, 20 November, bagi mengikuti Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange Programme - SEP), yang akan berjalan selama enam bulan. Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar,

Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim berserta pensyarah yang lain. Seramai lima mahasiswa akan mengikuti Program Bachelor of Halal Quality Assurance di Faculty of Health & Life Sciences,

Management and Science University (MSU), Shah Alam. Manakala, lapan pelajar lagi akan mengikuti pengajian dalam Program Bachelor in Contemporary Islamic Studies di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Malaysia (Cawangan Shah Alam). Sejak penubuhannya, UNISSA sangat bergiat aktif dalam program-program pengantarabangsa melalui kerjasama penyelidikan, persidangan, seminar dan pertukaran pelajar bersama universiti, di rantau ASEAN juga antarabangsa.

Sehubungan itu, program pertukaran pelajar adalah salah satu usaha di bawah program pengantarabangsa yang amat memberi manfaat kepada para mahasiswa, dari segi peningkatan pengetahuan, pendedahan serta pengalaman, terutama sekali dalam industri halal.

Program Pertukaran Pelajar ini juga diharap akan menjadi satu platform untuk pelajar menimba ilmu baharu, bahkan berkongsi ilmu pengetahuan dan pandangan bersama mahasiswa luar negara dan secara tidak langsung mempromosikan kepelbagaian budaya yang dimiliki oleh kedua buah negara ini.

Program ini selaras dengan misi UNISSA untuk melahirkan pemimpin yang bertakwa dan berwibawa, yang boleh menyumbang pada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.